



Siswazah hasilkan lebih 150,000 benih tiga spesies ikan air tawar

Oleh **Mohd Rafi Mamat** - Jun 25, 2023 @ 6:49pm
bhnews@bh.com.my



Muhammad Azri Shariff menghasilkan lebih 150,000 benih patin sebulan. NSTP/Mohd Rafi Mamat

KUANTAN: Pengalaman tujuh tahun dalam bidang akuakultur menjadi landasan kepada seorang siswazah, Muhammad Azri Shariff, 26 untuk tampil mengusahakan projek menghasilkan benih patin, talapia merah dan keli.

Dia yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Biologi Marin) dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), kini mampu berbangga dapat menghasilkan lebih 150,000 benih tiga spesies ikan air tawar itu.

Muhammad Azri berkata, dia berpuas hati selepas enam bulan beroperasi pusat pembenihan yang diusahakan terletak di Kampung Sri Fajar, Gambang, dekat sini sudah mula mengeluarkan hasil yang diharapkan.

Katanya, kini terdapat 10 kolam tanah, empat tangki penetasan dan tujuh kolam simen di kawasan seluas lebih 0.81 hektar. Kemudahan berkenaan tidak mencukupi menghasilkan lebih banyak benih ikan.

"Permintaan terhadap benih patin tidak mencukupi, faktor berkenaan menyebabkan ramai penternak ikan sangkar di Temerloh, Pekan dan Jerantut terpaksa menangguhkan sementara projek ternakan mereka.

"Pusat pengeluaran benih kami tidak mampu menghasilkan lebih banyak benih patin dan talapia merah disebabkan kawasan yang terhad," katanya, di sini semalam.

Muhammad Azri berkata, dia menjual benih patin, talapia merah dan keli dengan harga antara 15 sen hingga 42 sen mengikut saiz antara dua hingga empat inci. Permintaan benih kini tidak mencukupi terutama patin dan tilapia merah.

Katanya, benih yang dihasilkan kini hanya mampu memenuhi permintaan daripada beberapa penternak ikan sangkar di daerah ini, Pekan dan Maran. Setiap penternak membeli benih sehingga 20,000 ekor bergantung pada jumlah sangkar mereka.

"Di Pahang tidak banyak pusat pembenihan yang mampu mengeluarkan benih berskala besar, faktor berkenaan menyebabkan penternak terpaksa membeli benih di Perak, dan Selangor," katanya yang sebelum ini bertugas sebagai pembantu penyelidik akuakultur di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kampus Kuantan.

Beliau berkata, sokongan rakan kongsi, Jamri Ahmad, 55, menjadi pembakar semangat kepadanya untuk terbabit dalam bidang akuakultur yang turut dibantu seorang pembantu lepasan Politeknik Jeli, Kelantan.

Bagi Jamri, dia menyasarkan untuk mengeluarkan 200,000 hingga 250,000 benih patin sebulan bagi memenuhi permintaan penternak, namun disebabkan kawasan pusat pembenihan yang terhad dia terpaksa memikirkan kaedah yang terbaik.